

Microfinance Institution (MFI) dalam Krisis Ekonomi

Oleh : Nor Fazidah Kadri

7hb Januari 2009

1.0 Pendahuluan

Di mana-mana juga masyarakat massa membincangkan tentang keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pandangan dan sedikit maklumat hasil pembacaan berkaitan kesan kemelesetan ekonomi dan MFI bersama-sama warga kerja AIM yang tidak berkesempatan mencari sumber-sumber maklumat itu, disamping mengasah bakat menulis yang hanya sebesar kuku. Diharapkan ia dapat memberi sedikit panduan kepada warga kerja AIM. Walau bagaimanapun, sebahagian pandangan yang dilontarkan adalah pandangan peribadi yang mana tidak mewakili pandangan pengurusan AIM.

2.0 Krisis Ekonomi Dunia

Krisis ekonomi yang berlaku sekarang adalah kesan dari kejatuhan pasaran saham dan kewangan di AS. Dengan kebergantungan dunia kepada kestabilan ekonomi AS, maka apabila ekonomi AS goyah, maka negara-negara lain di seluruh dunia juga merasa kesannya.

Mungkin hampir tidak ada pihak yang menjangkakan keadaan ekonomi Amerika Syarikat (AS) menjadi begitu goyah sekali dan pasaran saham dan medan agihan modal AS menjadi kelamkabut apabila syarikat-syarikat gergasi yang gah dan mempunyai asset berbillion-billion di AS mengalami kerugian dan ada yang muflis terutamanya industri kewangan. Kegoyahan Wall Street itu tidak dapat tidak menyebabkan ada sebahagian urusanniaga saham sesetengah negara terpaksa digantung. Institusi kewangan gergasi atau Financial Institution (FI) dari pelbagai kategori samada bank komersial mahupun syarikat kewangan menerima kesan dari situasi tersebut namun terdapat satu industry kewangan yang tidak atau kurang terjejas iaitu industry kewangan mikro atau Microfinance Institution (MFI). Dalam pada FI menanggung kerugian kerana klien mereka gagal membayar balik pembiayaan tetapi dalam masa yang sama, MFI masih berupaya mengekalkan bayaran balik di atas 95%.

Mengapa ia berlaku sedemikian rupa? FI meletakkan "cagaran" sebagai langkah menjamin pembayaran balik pinjaman klien mereka sedangkan

pdfMachine - is a pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Get yours now!

"Thank you very much! I can use Acrobat Distiller or the Acrobat PDFWriter but I consider your product a lot easier to use and much preferable to Adobe's" A.Sarras - USA

klien MFI tidak mempunyai harta yang boleh dicagarkan kepada MFI? Sedang FI memilih klien yang diyakini mampu bayar balik, MFI memilih mereka yang tidak layak masuk ke gelanggang industry kewangan?

Apa yang boleh dipelajari oleh FI dari MFI? Pengajaran yang paling besar ialah apabila FI mementingkan harta yang boleh dicagarkan untuk memastikan peminjam membayar balik pembiayaan mereka hingga menyebabkan FI membutuhkan mata untuk menyemak kemampuan membayar balik (repayment capacity) klien mereka. Mereka terlupa bahawa asset yang dicagarkan contohnya rumah juga boleh mengalami kejatuhan nilai. Contoh yang paling ketara ialah nilai hartanah di Bukit Antarabangsa sebelum berlaku kejadian tanah runtuh dimana adalah sangat tinggi dan hampir tidak munasabah. Akan tetapi selepas kejadian tanah runtuh tersebut menyebabkan nilai hartanah di sekitar kawasan itu kini jatuh dengan teruk. Apa akan terjadi kepada klien yang mengambil pembiayaan di FI dengan mencagarkan rumah mereka di kawasan tersebut? Adakah aset yang dicagarkan itu menjamin kejayaan klien membayar balik pembiayaan mereka itu? Perkara sedemikianlah yang terjadi kepada Lehman Brothers yang apabila terlalu banyak melabur dalam "mortgaged security" dan apabila nilai cagaran jatuh, maka syarikat gergasi itu tumbang.

Walaupun sehingga penghujung 2008 kestabilan MFI belum tergugat di dalam kocakan industri kewangan, namun menjelang 2009, kita semua tidak dapat meramalkan sejauhmana kestabilan MFI dapat bertahan. Para pemerhati MFI menjangkakan lambat laun MFI akan menerima kesan kemelesetan ini terutamanya jika MFI tidak mengambil langkah berjaga-jaga atau pelan tindakan yang strategik sebagai persediaan untuk menangani gelombang dan krisis ekonomi ini.

3.0 Bagaimana Krisis Ekonomi Mempengaruhi MFI

3.1 Kesan Kepada Klien

3.1.1 Pertumbuhan Ekonomi Lembab

Seperti yang dijangkakan oleh penganalisis ekonomi dan kewangan, kesan kemelesetan ekonomi pada tahun ini adalah secara menyeluruh. Walaupun terdapat pertumbuhan ekonomi, namun ia adalah sangat lembab iaitu diramalkan sekitar 4% sahaja. Pertumbuhan ekonomi yang lembab boleh menyebabkan peluang pekerjaan terutamanya di sektor pembuatan dan perkilangan

menguncup dan kuasa beli orang ramai semakin mengecil. Apabila kuasa beli mengecil, permintaan kepada sesuatu produk samada produk fizikal mahupun perkhidmatan akan berkurangan. Contohnya surirumah yang sebelum ini seorang pekerja kilang telah menukar kebiasaan dari membeli sarapan pagi kepada membuat sendiri kerana pendapatannya mengecil akan menjejaskan jualan kasar klien MFI yang berniaga kuih.

3.1.2 Peningkatan Inflasi

Peningkatan harga barangan asas telah menyebabkan peningkatan inflasi kepada hampir 5.9 % menambah keperitan masyarakat massa. Dijangkakan keperitan ini juga dirasai oleh klien MFI dimana modal kerja meningkat sedangkan kuantiti jualan mendatar atau lebih teruk menurun akan menyebabkan keuntungan bersih yang dibawa pulang mengecil. Sinapi Aba Trust (SAT) di Afrika membuat kajian ke atas klien mereka terhadap kesan kenaikan harga barang di mana didapati hampir 65% klien mereka mengurangkan makan dari 3 kali sehari kepada dua kali sehari dan mengurangkan nutrisi di dalam kandungan makanan kerana faktor harga¹. Di Kashf Foundation , Pakistan pula mendapati sebanyak 78% dari kalangan klien mereka mengurangkan makan secara ketara berbanding sebelum kenaikan harga beras yang meningkat hampir 34% berbanding tahun 2007² .

3.1.3 Kejatuhan Harga Barangan Komoditi

Kejatuhan harga getah dan kelapa sawit diakui sangat menggugat banyak pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun secara tidak langsung bukan sahaja kepada klien MFI tetapi juga kepada masyarakat massa. Kejatuhan harga barangan komoditi tersebut menyebabkan kuasa beli pengguna menurun. Bagi pengusaha pula, dengan kos "overhead" yang kekal sedangkan harga seunit jatuh menjunam menyebabkan hasil jualan kasar tidak mencukupi untuk menampung kos operasi dan ini menyebabkan pengusaha menghentikan operasi mereka

¹ Microcredit Summit, Volume 6, October 2008

² Microcredit Summit, Volume 6, October 2008

dan sebahagian dari pengusaha ini adalah terdiri dari klien MFI sekiranya terdapat MFI yang beroperasi.

3.2 Kesan Kepada Institusi

Kestabilan dana pusingan merupakan satu perkara pokok yang mesti difikirkan oleh sesetengah peneraju MFI. Bagi MFI yang bergantung kepada penyumbang dana dari luar terutamanya syarikat-syarikat gergasi, terdapat kemungkinan di mana jika syarikat tersebut tergugat dan mengurangkan penyaluran dana kepada MFI, maka sudah pastilah MFI tersebut akan menerima kesan negatifnya. Banyak MFI yang bergantung kepada penyumbang dana merasai pengalaman buruk apabila klien terpaksa menunggu giliran untuk mendapat dana pembiayaan mereka. Kepercayaan klien boleh runtuh dalam sekelip mata dan ia akan memberi kesan buruk kepada operasi MFI tersebut.

Begitu juga jika MFI yang bergantung kepada institusi kewangan atau pelabur di mana dalam situasi ekonomi yang sedemikian, kebanyakan operasi bank atau pelabur mula meningkatkan tabung rezab mereka untuk meningkatkan kecairan. Sentimen di dalam pasaran kewangan kerap mempengaruhi keputusan pembuat polisi bank samada hendak meneruskan penyaluran dana kepada MFI atau tidak tanpa mengambilkira prestasi MFI selama mereka berurusan. Tidak ramai pelabur yang hendak melabur di dalam situasi ekonomi dan "environment" yang tidak menentu. Contohnya SHARE India yang bertindak sebagai "Apex Fund" dengan mendapat pinjaman dari bank-bank. Kesan dari krisis ekonomi, SHARE menghadapi masalah apabila bank yang terlibat sebagai penyumbang dana ingin menaikkan kadar faedah dan mengenakan syarat jaminan dari Lembaga Pengarah mereka yang mana tiada dalam polisi asal penubuhan SHARE.³ Sri Kshethra Dharmasthala Rural Development Project (SKDRDP) di India terpaksa menaikkan kadar faedah pinjaman kepada klien mereka kerana perlu menampung kos modal pinjaman bank manakala Kashf Foundation terpaksa menghadapi penguncupan pertumbuhan portfolio dalam tempoh 9 bulan 2008 berbanding tempoh yang sama pada 2007 daripada USD 500,000 kepada USD 350,000. Penguncupan pertumbuhan ini memberi kesan kepada "viability" operasi MFI terlibat.

³ Microcredit Summit, Volume 6, October 2008

Mahbob Hossain dari BRAC, Bangladesh mengatakan "If commercial banks are affected, the the expansion of the microfinance program will be affected".

Terdapat juga MFI yang sumber dana dari masyarakat awam (public depositor) menghadapi situasi penyimpan "panic" dan mengeluarkan simpanan mereka secara drastik menyebabkan MFI terlibat terpaksa mengkaji semula pelan pengembangan mereka.

3.3 Kesan kepada MFI di Malaysia

Dari sudut masyarakat massa, kita boleh melihat bagaimana Kerajaan berusaha menyerap kesan krisis ekonomi ini seperti memberi suntikan RM 7 bilion ke dalam pasaran untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi. Selain dari itu, usaha-usaha untuk menyerap tekanan inflasi juga diambil bagi memastikan kuasa beli masyarakat massa tidak terlalu tergugat. Kuasa beli sangat penting bagi memastikan sistem ekonomi yang berasaskan "supply" dan "demand" dapat diteruskan.

Dari sudut industry MFI di Malaysia, dijangkakan ia tidak terlalu menerima kesan seperti rakan-rakan yang lain di negara lain. Dengan polisi dari Bank Negara Malaysia (BNM) yang menggalakkan bank-bank komersial terlibat dengan industry MFI ini, sumber dana tidak menjadi masalah kepada bank-bank tersebut. Bagi MFI yang bersifat Development Financial Institution pula, Kerajaan sentiasa meberi sokongan pada kepada mereka, termasuklah kepada AIM yang menerima suntikan dana RM100 juta untuk membantu menangani kemelut kemiskinan di bandar-bandar utama di negara ini.

Walaupun begitu, peranan untuk menyerap kesan ekonomi ini bukanlah peranan Kerajaan semata-mata tetapi juga merupakan peranan dari semua pihak termasuklah MFI seperti AIM.

4.0 Bagaimana MFI harus bertindak dalam situasi krisis ekonomi

MFI yang tulen (genuine) perlu melihat industry ini secara seimbang di antara pembangunan isirumah miskin diiringi dengan pelan bisnes yang memastikan MFI berupaya untuk "sustain" dan dapat memberikan perkhidmatan berterusan. Sebagai satu industry yang baru dan rujukan secara sekunder tidak boleh diperolehi secara meluas, maka MFI perlu saling berkongsi maklumat, pandangan dan nasihat di antara satu sama lain untuk memastikan kedua-dua objektif

asas MFI dapat dicapai, terutama sekali dalam dalam situasi yang tidak menentu ini. Di kalangan MFI yang terlibat secara aktif dalam forum berkaitan isu krisis ekonomi ini memberikan idea yang boleh kita kongsi bersama seperti;

- i. Kashf Foundation mencadangkan MFI supaya “Be prudent and grow slowly during this period, remain in close touch with clients, look the way of enhancing efficiency especially to counteract rising prices and improve overall compliance and monitoring”.
- ii. Baghirath Iyer mencadangkan “Be cautious. Be firm. Be transparent in your operation. Be sure to maintain your relationship with your customer.”

Dari pengalaman rakan-rakan samada di Asia Pasifik, Amerika Latin mahupun Afrika yang mana MFI merupakan satu industry kewangan yang penting, mereka mengambil langkah-langkah berikut;

- Memahami tingkahlaku klien menjadi penting
- Meningkatkan tabungan samada di kalangan klien mahupun organisasi
- Mengkaji semula pertumbuhan/ pengembangan secara fizikal dan memberi focus kepada kualiti portfolio
- Meningkatkan kualiti hubungan di antara pegawai kredit (loan officer) dengan klien terutamanya komunikasi dua hala yang berkesan
- Peka kepada keadaan ekonomi sekitar kawasan jangkauan

5.0 Bagaimana AIM Perlu Bertindak

AIM sebagai sebuah MFI yang memegang kepada visi “Untuk Menjadi Institusi Kewangan Yang Diberkati, Dinamik dan Bertaraf Dunia Bagi Membasmi Kemiskinan serta Meningkatkan Kesejahteraan Ummah” maka perlulah kita merangka pelan tindakan yang strategic untuk membantu klien AIM iaitu sahabat.

AIM perlu memahami masalah yang timbul terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan mengatasinya. Menyedari kemerosotan harga barangan komoditi menjadi igauan sahabat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan industry tersebut, AIM sedang membina prosedur “penjadualan semula”. Dijangkakan prosedur ini dapat membantu sahabat menyusun kembali kemampuan mereka dan memulakan langkah baru mencari alternative lain untuk memulakan projek ekonomi yang lebih viable.

pdfMachine - is a pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Get yours now!

“Thank you very much! I can use Acrobat Distiller or the Acrobat PDFWriter but I consider your product a lot easier to use and much preferable to Adobe's” A.Sarras - USA

Tidak boleh tidak, AIM kena bersetuju dengan langkah-langkah yang diambil dan pandangan yang diberikan oleh rakan-rakan MFI . Selain itu, warga kerja AIM mestilah mengambil langkah yang lebih proaktif dalam mengenalpasti kemampuan projek sahabat-sahabatnya melalui penyeliaan yang lebih rapi tetapi mesra. Pengajaran yang perlu diambil oleh AIM dalam menguruskan pembiayaan dari pengalaman syarikat-syarikat kewangan gergasi yang mengalami kemelesetan ialah;

- i. Jangan terlalu leka dengan rekod pinjaman sahabat sebelumnya. Telitikan kemampuan bayar balik sahabat melalui M8 yang sempurna dan jujur. Sekiranya sahabat tidak layak mendapat pembiayaan yang besar, berikan pembiayaan yang kecil walaupun sasaran cawangan tinggi. Sasaran kerja boleh dikajisemula jika perlu tetapi jikalau pembiayaan sudah berada di pasaran, ia tidak boleh dikajisemula. Risikonya perlulah dihadapi walau bagaimana cara sekalipun.

Dari Blog CGAP, terdapat catatan dari pengunjungnya menyebut "LESSON LEARNT: Don't just depend on collateral, assess the cash flow of borrowers, and leave a cushion to ensure repayment" . PANDUAN KEPADA AIM? Ia memberi maksud kepada "apabila kita hendak menilai keupayaan bayar balik sahabat adalah dengan melihat aliran tunai sahabat dan melihat lebih pendapatan yang boleh dijadikan "back up" oleh sahabat untuk membayar balik pembiayaan jika berlaku sebarang krisis. BUKAN melihat kepada rumah atau asset tetap yang mereka miliki sebagai asas untuk kita meluluskan pembiayaan yang besar.

- ii. Kembali kepada asas meluluskan pembiayaan seperti kata Prof. Yunus, sifu microfinance " They borrow Tk2000 for chicken rearing. They borrow Tk10,000 for raising cow". Ia memberi maksud apabila satu-satu pembiayaan hendak diluluskan, ia mestilah bergantung kepada saiz projek mereka. Kembali kepada rukun "pinjam setakat yang perlu dan mampu bayar balik" dan ditekankan kepada semua sahabat, kepimpinan asas dan kepimpinan pusat.
- iii. Peka kepada persekitaran ekonomi dan keadaan penduduk setempat. Jika ada sahabat yang masih mahu melabur dalam kegiatan yang diketahui tidak akan memberikan pulangan lumayan contohnya masih mahu memajak getah dalam situasi getah tidak menguntungkan, galakkan sahabat mengambil pembiayaan yang lebih kecil untuk memulakan projek baru.

pdfMachine - is a pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Get yours now!

"Thank you very much! I can use Acrobat Distiller or the Acrobat PDFWriter but I consider your product a lot easier to use and much preferable to Adobe's" A.Sarras - USA

- iv. Kenaikan harga barang yang mungkin tidak terkawal menyebabkan sahabat memerlukan suntikan modal yang kerap dan cepat. Ia boleh dibuat dengan menggalakkan sahabat mengambil pembiayaan yang kecil dan membayar dalam tempoh yang pendek.

Selain dari itu, telah dinyatakan di dalam akhbar bahawa kadar jenayah semakin meningkat. Kakitangan AIM perlu peka kepada situasi tersebut. Langkah keselamatan perlu diambil mengikut pekeliling yang telah dikeluarkan. Kakitangan juga patut menggalakkan sahabat menandatangani bayaran mingguan di bank dan membawa slip sahaja ke pusat bagi mengurangkan kutipan tunai.

6.0 Rumusan

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu yang mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya hingga akhir 2009, pengamal MFI mestilah mengamalkan sikap terbuka kepada cadangan dan peka kepada segala permasalahan. Kekukuhan MFI mengharungi cabaran ini telah diakui ramai tetapi itu tidak bermakna MFI akan selamat jika tiada langkah berjaga-jaga diambil. Kejayaan MFI bukan hanya memastikan organisasi kekal teguh tetapi yang penting ialah memastikan klien mereka juga dapat mengharungi cabaran itu.

Rujukan;

1. Microcredit Summit, Volume 6, Issue 2: October 2008
2. Jeremy Caplan, Microfinance Still Hums Despite Global Financial Crisis, Bussiness TIME, Dec.2008
3. Richard Rosenberg, How Sustainable is Microfinance, Really?, CGAP Microfinance Blog, Disember 2008.
4. Forum on "Will the Global Financial Crisis Hurt Microfinance?", CGAP Microfinance Blog.
5. Rina Chandran, credit Srisis hurts microfinance programs in South Asia, Reuters, November 2008.